

19 SEP 2000

Mahathir-Perwaja

KERAJAAN CUBA DAPATKAN MAKLUMAT MENGENAI WANG PERWAJA, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan sedang cuba mendapatkan maklumat yang betul berhubung wang yang dibayar Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) kepada tiga pihak asing yang kini dalam akaun bank di Switzerland.

Bagaimanapun, agak sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat apabila wang telah dibawa keluar dari negara ini, kata Perdana Menteri.

"Bukan mudah untuk mendapatkan maklumat yang tepat apabila wang itu telah dibawa keluar...mereka tahu tetapi enggan untuk memberitahu...kita perlu tunggu," katanya pada persidangan berita di sini sebagai mengakhiri lawatan dua harinya ke Sabah.

Beliau menjawab soalan pemberita berhubung laporan akhbar Khamis lepas yang memetik Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Ahmad Zaki Husin sebagai mengesahkan pembayaran wang berjumlah RM76.4 juta oleh Perwaja kepada tiga pihak asing sebelum dimasukkan ke akaun bank Switzerland melalui pindahan telegraf.

Dr Mahathir berkata kerajaan menyerahkan perkara itu kepada BPR untuk melakukan siasatan.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang baru-baru ini mengenai hasrat kerajaan Pas Terengganu untuk mengambil tindakan undang-undang sebagai langkah terakhir bagi mendapatkan "wang ihsan" dari Kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata: "Pas berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan kita akan mempertahankan tindakan kita itu."

-- BERNAMA

JS AKD